

**SOALAN NO. 34****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG  
JEN [BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa sebab sebelum Parlimen meluluskan Akta Laut Wilayah 2012, persetujuan pihak Negeri Sarawak tidak diperolehi sepertimana yang termaktub dalam Bahagian VI Bab 4 Perlembagaan Persekutuan. Adakah ketidaksetujuan pihak negeri terhadap Akta itu akan mengakibatkan Akta itu satu pelanggaran peruntukan Perlembagaan Persekutuan maka tidak sah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan.

Dalam menentukan sama ada sesuatu perkara yang digubal itu terjumlah di bawah bidang kuasa perundangan Parlimen atau Badan Perundangan Negeri, *pith and substance* undang-undang tersebut hendaklah dikaji dan ditentukan dengan teliti. Bagi maksud Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750], tajuk panjang Akta Laut Wilayah 2012 memperuntukkan seperti yang berikut:

*“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi laut wilayah Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.”*

Malah, dalam ucapan pembentangannya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 18 April 2012 semasa membentangkan Rang Undang-Undang Laut Wilayah 2012 untuk bacaan kedua dan ketiga menyatakan bahawa antara tujuan pengubalan Akta Laut Wilayah 2012 juga adalah bagi maksud memelihara kedaulatan Malaysia seperti yang berikut:

*"Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 perlu digubal memandangkan bahawa tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No.7, 1969. Dalam hal ini Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 ini perlu dibentangkan dan diluluskan pada mesyuarat yang bersidang kali ini bagi mengelakkan masalah undang-undang timbul jika tiada Undang-undang Persekutuan yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia setelah Ordinan No.7, 1969 terhenti berkuat kuasa kelak. Oleh itu Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 perlu dikuatkuasakan bagi mengekalkan hak kedaulatan Malaysia ke atas laut wilayahnya dan bagi memastikan keutuhan sempadan laut Wilayah Malaysia terus terpelihara.*

*Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta yang telah saya kemukakan tadi adalah jelas bahawa pada masa kini Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 amat penting bagi memelihara hak kedaulatan negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah berkompromi dalam isu keselamatan negara. Justeru sebagai satu langkah bagi menjamin keutuhan keselamatan dan integriti wilayah kekal sebagaimana sedia ada, kerajaan mencadangkan agar Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan"*

Seterusnya memandangkan Malaysia menjadi negara anggota kepada Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (*United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*) pada tahun 1996 dan bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah UNCLOS, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal untuk menggantikan Ordinan No.7, 1969 dalam menetapkan kelebaran laut Wilayah Malaysia mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

71.

Dengan melihat peruntukan Akta Laut Wilayah 2012 secara keseluruhan dan mengambil kira asas tujuan penggubalannya sebagaimana yang dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang Laut Wilayah 2012 tersebut untuk bacaan kedua dan ketiga, adalah jelas bahawa hal perkara yang diperuntukkan di bawah Akta Laut Wilayah 2012 terjumlah antaranya di bawah kuasa perundangan Parlimen berhubung perkara yang berikut:

- (i) Butiran 1(a) dan (b) Senarai I Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan berhubung "Hal-ehwal luar Negeri termasuk—
  - (a) triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain dan segala perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain;
  - (b) pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain"; dan
- (ii) Butiran 2 Senarai I Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan berhubung "Pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya".

Oleh yang demikian, penggubalan Akta Laut Wilayah 2012 ini adalah jelas terletak di bawah bidang kuasa Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya, diperhatikan bahawa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengkehendaki persetujuan sesuatu Negeri diperoleh sebelum suatu undang-undang persekutuan boleh diluluskan adalah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

*“2. Parlimen boleh melalui undang-undang—*

*(a) menerima masuk Negeri-negeri lain ke dalam Persekutuan;*

*(b) mengubah sempadan mana-mana Negeri,*

*tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.”*

Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan jelas menunjukkan apa-apa perubahan pada sempadan mana-mana negeri di dalam Malaysia, termasuk negeri Sarawak, hendaklah dibuat melalui suatu undang-undang persekutuan yang tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri yang berkenaan (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan negeri itu) dan Majlis Raja-Raja. Namun, Akta Laut Wilayah 2012 tidak mengubah sempadan Negeri Sarawak tetapi hanya menghadkan takrifan “laut wilayah” bagi maksud pemakaiannya di dalam beberapa undang-undang tertentu sahaja.

Perlu dijelaskan bahawa sempadan Negeri Sarawak tidak diubah dengan terhenti berkuat kuasanya Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu), No. 7 1969

73

[P.U. (A) 307A/1969] ("Ordinan No.7, 1969") berikutan terungkainya Proklamasi Darurat 1969 pada 22 Jun 2012. Akta Laut Wilayah 2012 tidak menetapkan sesuatu yang baharu tetapi hanya meneruskan *status quo* di sisi undang-undang berkenaan dengan lebar laut Wilayah Malaysia bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Ordinan No.7, 1969 sebelum ini. Sehubungan dengan itu, adalah ditekankan bahawa sempadan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sama sekali tidak diubah oleh Akta Laut Wilayah 2012 kerana perubahan sedemikian telah pun dibuat di bawah Ordinan No.7, 1969 yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, isu berhubung keperluan mendapatkan persetujuan Badan Perundangan Negeri Sarawak sebelum Akta Laut Wilayah 2012 diluluskan di Parlimen adalah tidak berbangkit. Tambahan lagi, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pengubalan Akta 750 adalah terjumlah di bawah bidang kuasa perundangan Parlimen yang disandarkan antaranya kepada Butiran 1 dan 2 Senarai I Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Kesimpulannya sempadan negeri tidak diubah oleh Akta Laut Wilayah 2012, dan oleh yang demikian isu pengubahan persempadanan tanah di bawah perundangan tanah negeri Sarawak adalah tidak berbangkit.

Selanjutnya Fasal (5) Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Yang di-Pertuan

Agong atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (4A), tetapi tiada undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga undang-undang itu telah disiarkan, tanpa, walau bagaimanapun, menjejaskan kuasa Parlimen untuk menangguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang yang berkuat kuasa ke belakang.

Dalam hal ini, Akta Laut Wilayah 2012 telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 18 Jun 2012 dan disiarkan dalam *Warta* pada 22 Jun 2012. Akta Laut Wilayah 2012 juga telah mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012 sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 1(2) Akta. Oleh itu, semua proses undang-undang telah dipatuhi dalam penggubalan Akta Laut Wilayah 2012 tersebut.

Sekian, terima kasih.